

Indranee: S'pura perlu aktif bantu bentuk undang-undang antarabangsa

SINGAPURA perlu membantu membentuk undang-undang antarabangsa secara aktif, kata Menteri Negara Kanan (Undang-Undang dan Kewangan), Cik Indranee Rajah, semalam.

Akhar *The Straits Times* melaporkan, beliau menjelaskan bahawa norma dan kaun antarabangsa semakin menentukan apakah yang boleh dan tidak boleh dilakukan negara dalam sempadan mereka dan oleh itu, ia mempunyai kesan mendalam ke atas masyarakat dan ekonomi Singapura.

"Kesan undang-undang antarabangsa ke atas ekonomi dalam negara dan kehidupan masyarakat Singapura akan terus

berkembang," kata beliau kepada 200 peguam, diplomat dan pegawai di Persidangan Penilaian Tahun Undang-Undang Antarabangsa.

"Singapura mesti memastikan bahawa bukan sahaja kepentingan negara, tetapi juga nilai-nilai, tradisi dan perspektif kami dikekalkan," kata beliau.

Di persidangan itu, yang dianjurkan Pusat bagi Undang-Undang Antarabangsa Universiti Nasional Singapura (NUS), masyarakat perundangan membincangkan trend termasuk pertikaian undang-undang merentasi sempadan dan mahkamah domestik yang menangani lebih banyak isu un-

dang-undang antarabangsa dan asing.

Dalam ucapannya, Cik Indranee menjelaskan mengapa peguam Singapura perlu membantu membentuk undang-undang antarabangsa.

Beliau menyentuh tentang trend undang-undang antarabangsa yang mencorak keadaan bagaimana negara perlu berkelakuan dalam sempadan masing-masing.

Contohnya, undang-undang perdagangan antarabangsa membolehkan atau melarang tarif dan sekatan peraturan yang boleh dikenakan negara ke atas barangan dan perkhidmatan.

Peraturan sedemikian menjejaskan bidang

seperti pembangunan nasional, mata pencarian, inovasi domestik dan keupayaan orang ramai mendapatkan ubat-ubatan yang boleh dimampui.

Satu lagi trend ialah bagaimana negara bekerja dengan lebih rapat antara satu sama lain bagi isu undang-undang sivil antarabangsa.

Cik Indranee memberi contoh Konvensyen Hague 1980 mengenai Aspek Sivil Penculikan Kanak-Kanak Antarabangsa, yang membantu ibu bapa di mana anak mereka dibawa lari ke negara lain dan melanggar hak jagaan mereka.

"Jika negara itu anggota Konvensyen ini,

seperti Singapura, negara itu mesti memberi ibu bapa tersebut hak untuk memohon kepada mereka bagi bantuan untuk memulangkan anak mereka.

"Hari ini, hampir semua kementerian perlu menanggapi konvensyen antarabangsa dan perlu mempertimbangkan norma dan piawaian antarabangsa dalam penggubalan dasar," kata beliau.

Sementara pemerintah secara aktif terlibat dalam membentuk undang-undang antarabangsa menerusi perundingan konvensyen undang-undang global, pengamal privet dan akademik undang-undang juga boleh memainkan peranan mereka, kata Cik Indranee.